

Tarikh Iklan: 18 Jun 2026 (Khamis)



**JABATAN LANDSKAP NEGARA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN**



**NOTIS SEBUT HARGA**

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

| PEJABAT YANG MEMANGGIL SEBUT HARGA   | TAJUK PROJEK   | TARAF/ JENIS SYARIKAT*  | GRED, KATEGORI & PENGKhususan/ KELAS  | TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL  | HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA  | TEMPAT, TARIKH DAN MASA SEBUT HARGA DITUTUP   |
|--|--|---|---|--|--|---|
| Jabatan Landskap Negara, Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya | No. Tender : JLN/SH/04/2026<br><br>Cadangan Naik Taraf Landskap Di I-Kpkt, Bentong, Pahang | T1 (BUMIPUTERA)<br><br>Dipelawa kepada syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan | I. Berdaftar dengan CIDB – Gred G2 yang beralamat di Pahang.<br><br>Kategori CE 14 - Landskap Luar Bangunan<br><br>dan<br><br>II. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).<br><br>dan<br><br>III. Sijil Taraf Bumiputera (STB). | Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya<br><br>Tarikh Dokumen Dijual:<br><br>26 JUN 2026 (JUMAAT)<br><br>Hingga<br><br>3 JULAI 2026 (JUMAAT) | RM 10.00<br><br>(Tidak akan dikembalikan)<br><br>Akauntan Negara Malaysia-KPKT-T | Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya<br><br>10 JULAI 2026 (JUMAAT)<br><br>Waktu: 12.00 tengahari |

## TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK

Taklimat Sebut Harga dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua penyebut harga. Kontraktor digalakkan untuk hadir lawatan tapak atas tanggungjawab sendiri bagi membantu kontraktor mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga. Penyebut Harga yang menyertai taklimat sebut harga dan lawatan tapak akan dibenarkan untuk membeli dokumen sebut harga.

**Tarikh dan Tempat Taklimat Sebut Harga :**

**25 JUN 2026 (KHAMIS) jam 10.30 pagi di Bilik Perbincangan Melati, Aras 1, Blok Pentadbiran, Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (i-LKPKT), Bukit Tinggi.**

**Kenderaan tidak disediakan semasa lawatan tapak.**

**PERINGATAN :** Hanya Penama Di Dalam Sijil Yang Dibenarkan Hadir dan sila kemukakan bersama **SIJIL ASAL** Pendaftaran PKK, CIDB, Sijil Taraf Bumiputra. Tarikh laku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebut harga. Dokumen sebut harga tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut.

Penyebut harga **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai sebut harga ini sekiranya penyebut harga didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana – mana penyebut harga yang mengemukakan surat 'Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan' atau surat 'Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga bagi Gred yang lebih tinggi / rendah' yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA.**

**SILA BAWA CAP BERALAMAT UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PENDAFTARAN/PEMBELIAN DOKUMEN**

1. Bayaran hendaklah dibuat tanpa tunai melalui aplikasi i payment semasa pembelian dokumen sebut harga. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai, cek, draf bank, kiriman wang atau wang pos tidak akan diterima.
2. Dokumen Sebut Harga boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam **Arahan Kepada Sebut Harga.**
3. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 10 JULAI 2026 (JUMAAT) Tender No. JLN/SH/04/2026** dan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dikemukakan melalui pos. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
4. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat **[www.jln.gov.my](http://www.jln.gov.my)** dan web rasmi Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan di alamat **[www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)** dan web myprocurement di alamat **[www.myprocurement.treasury.gov.my](http://www.myprocurement.treasury.gov.my)**.

5. \*Jenis Pendaftaran:

- T1 - Syarikat 100% milik warganegara
- A1 - Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia dan warganegara dengan syarat pegangan saham individu yang tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia ATAU syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira samaada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.